

HALA TUJU DAN CABARAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006-2010)

ZULKIFLY OSMAN

PROF MADYA DR. ISHAK YUSSOF

Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ZAINIZAM ZAKARIYA

Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Perguruan Sultan Idris

ABSTRAK

Sebelum krisis ekonomi 1997, wujud permintaan yang begitu tinggi terhadap graduan lulusan universiti dalam pelbagai bidang pengajian. Selari dengan ini, pendidikan tinggi negara turut berkembang pesat. Antara transformasi penting bagi memusatkan perkembangannya ialah melalui pemendekkan program pengajian di institusi pengajian tinggi dan galakan penubuhan lebih banyak universiti baru termasuk universiti milik swasta. Malangnya selepas krisis, ramai siswazah mendapati semakin sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Sekali gus, bilangan siswazah menganggur meningkat secara mendadak. Beberapa siri kajian yang telah dijalankan berhubung dengan isu ini membayangkan bahawa ianya kemungkinan berpunca daripada kegagalan sistem pendidikan tinggi negara bagi memenuhi keperluan pasaran, khususnya dari aspek kualiti. Ini sebenarnya merupakan salah satu daripada cabaran utama yang perlu ditempoh dalam perancangan dan pembangunan pendidikan tinggi negara. Pasti sekali banyak lagi cabaran lain. Untuk mengenalpasti cabaran-cabaran tersebut, maka artikel ini akan cuba menilai secara deskriptif arah tuju perkembangan sistem pendidikan tinggi negara semasa dan pada masa hadapan seperti yang direncanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Didapati antara cabaran lain yang begitu mendesak ialah isu pendemokrasian, kecapaian, pembiayaan dan kualiti program pengajian yang ditawarkan.

PENGENALAN

Kebelakangan ini, khususnya sejak 10 tahun lalu, sistem pendidikan tinggi negara telah mengalami proses transformasi yang begitu pesat melalui penubuhan pelbagai bentuk institusi pengajian tinggi dengan misi masing-masing yang tersendiri. Ia meliputi universiti dan kolej universiti yang menawarkan kursus peringkat ijazah, politeknik yang menawarkan kursus peringkat diploma dalam bidang teknikal, dan kolej komuniti yang menawarkan kursus pada peringkat sijil. Perancangan perkembangannya adalah tertakluk kepada matlamat perancangan dan pembangunan sumber tenaga manusia negara. Pendekatan Keperluan Sumber Tenaga Manusia atau pendekatan Manpower Requirement Approach (MRA), merupakan amalan yang digunakan dalam perancangan tersebut. Pendekatan ini merupakan suatu pendekatan yang menekankan aspek di sebelah permintaan. Tegasnya melalui kaedah ini, keperluan sumber manusia negara disandarkan kepada permintaan dalam pasaran kerja. Dengan ini, pihak institusi pendidikan hanya berperanan mengeluarkan tenaga buruh yang diperlukan oleh pasaran kerja. Sekali gus, boleh dikatakan bahawa perkembangan pendidikan tinggi negara sebenarnya amat bergantung kepada prospek ekonomi yang dijangka berlaku. Antara teknik terkenal yang diguna pakai bagi tujuan penganggaran keperluan tenaga manusia dalam pendekatan ini ialah model input-output yang diperkenalkan oleh Leontief pada tahun 1973, model ekonometrik dan Mediterranean Regional Project (MRP).

Pendekatan popular lain tetapi tidak digunakan di sini dalam merancang sumber manusia ialah melalui Kaedah Kadar Pulangan atau Rate of Return Approach (RRA). Pendekatan ini lebih menekankan kepada aspek penawaran. Ertinya, individu dan masyarakat sendiri memainkan peranan penting dalam memilih program pendidikan yang diminati berdasarkan kepada pulangan yang dijangka pada masa hadapan. Dua konsep utama yang penting dalam pendekatan ini ialah Nilai Kini Bersih (NKB) dan Kadar Pulangan Dalaman (KPD).

Berasaskan penjelasan ringkas di atas, kedua-dua pendekatan tadi adalah saling bertentangan. Setiap satunya boleh mempengaruhi pengubal dasar secara berbeza dalam usaha menetapkan matlamat pendidikan yang ingin dicapai. Misalnya, pendekatan pertama lebih cenderung memenuhi matlamat utilitarian. Sebaliknya, pendekatan kedua pula lebih menjurus kepada pembangunan sumber manusia dan perkembangan ilmu pengetahuan. Ertinya, pilihan salah satu daripada dua pendekatan tersebut

pasti menimbulkan implikasi yang berbeza. Implikasi ini amat penting dalam konteks semasa apabila semakin ramai para siswazah gagal mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian masing-masing. Umpamanya, anggaran tidak rasmi menunjukkan bahawa bilangan siswazah menganggur agak ramai, berada di sekitar 40-60 ribu orang (MTEN 2001; Utusan Malaysia 2005a; Utusan Malaysia 2005b). Lebih membimbangkan, beberapa siri kajian yang telah dijalankan berhubung dengan isu ini membayangkan bahawa ianya kemungkinan berpunca daripada kegagalan sistem pendidikan tinggi negara, khususnya dari segi kualiti, untuk memenuhi keperluan pasaran kerja. Ini sebenarnya merupakan salah satu daripada cabaran utama yang perlu ditempoh dalam perancangan dan pembangunan pendidikan tinggi negara. Pasti sekali banyak lagi cabaran lain. Untuk mengenalpasti cabaran-cabaran tersebut, maka kertas kerja ini cuba menilai secara deskriptif arah tuju perkembangan sistem pendidikan tinggi negara semasa dan pada masa hadapan seperti yang direncanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Organisasi penulisan makalah ini terbahagi kepada lima bahagian yang dimulakan dengan pengenalan dan disusuli dengan perbincangan mengenai perkembangan pendidikan tinggi negara. Bahagian seterusnya, iaitu bahagian tiga, akan membincangkan hala tuju perkembangan pendidikan tinggi semasa dan yang direncanakan dalam tempoh RMK-9. Bahagian empat melibatkan perbincangan mengenai isu dan cabaran yang mungkin dihadapi dalam tempoh perancangan tersebut. Rumusan keseluruhan perbincangan akan dibuat dalam bahagian lima.

PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA SEPINTAS LALU

Perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia bermula sejak zaman sebelum merdeka lagi. Cuma tempo perkembangannya agak perlahan dan hanya menjadi semakin pesat selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ketika itu, ekonomi negara mula pesat membangun. Untuk rekod, sebelum merdeka, hanya sebuah sahaja pusat pengajian tinggi bertaraf universiti yang telah ditubuhkan oleh penjajah Inggeris, iaitu Universiti Malaya (UM) di Singapura pada tahun 1949. Ianya merupakan hasil penaikkan taraf Kolej Raffles yang ditubuhkan pada tahun 1928. Oleh sebab UM terletak di Singapura dan hasil pengaruh politik penjajah dan rakyat Singapura, maka penduduk di Tanah Melayu kurang mendapat manfaat daripada kewujudannya (Kamarudin, 1989).

Jika diperhatikan cara pendidikan dan bentuk pentadbiran universiti tersebut, ianya menyamai sistem pendidikan dan pentadbiran universiti tradisional di England. Rata-rata pelajarnya pada ketika itu terdiri daripada golongan bangsawan dan elit. Mereka ini terpencil dari masyarakat umum dan mungkin sebab itulah juga universiti digelar sebagai ‘menara gading’. Universiti ketika itu lebih berfungsi sebagai tempat didikan yang mengutamakan pengajaran ilmu pengetahuan ilmiah (atau akademik atau lebih popular sekarang disebut teori). Kurang sekali penekanan diberikan kepada aspek penggunaannya. Akibatnya, pengetahuan yang diterima pelajar kurang memberi munafaat kepada pembangunan masyarakat umum dan negara. Di pihak lain, ia mungkin sesuai dan berfaedah bagi mengisi kekosongan jawatan pentadbir dalam sektor awam atau kerajaan pada waktu itu.

Pada tahun 1959, Universiti Malaya telah dipindahkan ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1962, ia diberi pegiktirafan sepenuhnya sebagai sebuah universiti. Sejak itu, Universiti Malaya telah berkembang pesat sama ada dari segi bilangan pelajar mahupun program pengajian yang ditawarkan. Namun begitu, perkembangan ini tidak berupaya memenuhi keperluan permintaan terhadap pendidikan tinggi negara yang terus meningkat hasil kepesatan pembangunan ekonomi negara dan perubahan dasar kerajaan, terutama sekali apabila terlaksananya Dasar Ekonomi Baru pada 1970. Dalam dasar ini, keperluan bagi meningkatkan lebih ramai Bumiputera memperoleh pendidikan tinggi telah mencetuskan gelombang baru kepada perkembangan sistem pendidikan tinggi di negara ini. Fenomena ini telah membawa kepada penubuhan beberapa universiti baru. Ini termasuklah Universiti Sains Malaysia (1969), Universiti Kebangsaan Malaysia (1970), Universiti Pertanian Malaysia (1971) dan Universiti Teknologi Malaysia (1975). Kemudianya disusuli dengan penubuhan dua buah lagi universiti pada tahun 1980-an, iaitu Universiti Islam Antarbangsa (1983) dan Universiti Utara Malaysia (1984). Kementerian Pendidikan diberi peranan bagi memastikan tidak wujudnya pertindihan kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti berkenaan. Oleh itu, setiap universiti, khususnya yang baru ditubuhkan, diberikan bidang pengkhususan tertentu untuk dimajukan. Umpamanya, universiti yang ditubuhkan di sekitar tahun 1990an seperti Universiti Malaysia Sarawak (1992) dan Universiti Malaysia Sabah (1994) diberi peranan bagi menyeimbangkan aspek penawaran pendidikan tinggi untuk keperluan pembangunan wilayah, khususnya di kawasan Malaysia Timur.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, sehingga tahun 2005 terdapat sebanyak 11 buah universiti dan 6 buah kolej universiti awam yang telah ditubuhkan dan menawarkan pelbagai kursus untuk keperluan negara.

Jadual 1: Jenis IPTA, 2005

Jenis Institusi	IPTA
Universiti	11
Kolej Universiti	6
Cawangan Universiti Asing	-

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi, 2005

Pada tahun 2006, atas tujuan yang sama, iaitu bagi penyeimbangan pembangunan wilayah, kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan 2 buah lagi universiti awam, masing-masing sebuah di Terengganu dan di Kelantan. Langkah ini dijangka boleh memberi impak besar terhadap nisbah enrolmen pelajar di peringkat pengajian tinggi yang mungkin boleh mencapai tahap universal, iaitu melebih 30.0 peratus. Senario pendidikan yang sedemikian adalah selari dengan hasrat negara untuk menjadikan negara ini berstatus negara maju menjelang 2020. Selari dengan perkembangan ini, jika dilihat Jadual 2, enrolmen pelajar di peringkat pendidikan tinggi telah meningkat begitu tinggi sekali. Cuma dalam tempoh 10 tahun peningkatannya (untuk sarjana muda) telah meningkat melebihi 200 peratus, iaitu meningkat daripada 75,709 orang pelajar pada tahun 1995 kepada 244,527 orang pelajar pada tahun 2005.

*Jadual 2: Enrolmen pelajar mengikut kursus ijazah sarjana muda,
1995 – 2005*

Bidang pengajian	Enrolmen					
	1995	%	2000	%	2005	%
Sastera	44,886	59.3	81,914	48.0	103,846	42.5
Sastera dan Kemanusiaan ¹	22,262		27,732		33,019	
Ekonomi dan Perniagaan ²	20,072		37,875		50,522	
Undang-undang	2,552		3,909		5,116	
Lain-lain ³			12,398		15,189	
Sains	18,171	24.0	49,575	29.0	71,897	29.4
Perubatan dan Pergigian ⁴	3,738		6,908		8,656	
Sains Pertanian dan berkaitan ⁵	2,472		4,940		5,961	
Sains tulen ⁶	4,032		9,081		14,739	
Sains Komputer dan Teknologi Maklumat			15,051		22,199	
Lain-lain ⁷	7,929		13,593		20,342	
Teknikal	12,652	16.7	39,305	23.0	68,784	28.1
Kejuruteraan	9,756		31,494		57,684	
Arkitek, Perancang Bandar & Survey	1,397		4,682		7,920	
Lain-lain ⁸	1,499		3,129		3,180	
Jumlah	75,709	100.0	170,794	100.0	244,527	100.0

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8)

¹termasuk pengajian Islam, bahasa, kesusasteraan, budaya Melayu, sains sosial dan pendidikan; ²termasuk perakaunan, pengurusan perniagaan dan e-dagang; ³termasuk sastera dan komunikasi; ⁴termasuk farmas; ⁵termasuk sains rumah tangga dan pembangunan manusia; ⁶merujuk kepada biologi, kimia, matematik dan fizik; ⁷termasuk aplikasi sains, kajian alam sekitar, teknologi makanan dan sains dengan pendidikan; dan ⁸termasuk pengurusan hartanah.

Keadaan yang sama turut berlaku pada peringkat pengajian diploma (lihat Jadual 3). Enrolmen pelajar dalam bidang teknikal telah meningkat dengan cepat sekali, iaitu daripada 33.9 peratus pada tahun 1995 kepada 46.7 peratus pada tahun 2005. Sebaliknya, untuk tempoh yang sama, enrolmen pelajar dalam bidang sastera menunjukkan peratusan yang semakin menurun, iaitu daripada 55 peratus (1995) kepada 37.8 peratus (2005). Sementara itu, corak enrolmen dalam bidang sains agak tidak menentu, iaitu meningkat pada tahun 2000 (18.4 peratus) berbanding dengan tahun 1995 (11.1 peratus), tetapi menurun semula 15.5 peratus pada tahun 2005.

Harus dijelaskan di sini bahawa pembangunan sumber manusia peringkat tinggi ini mula mendapat penumpuan utama sejak sebelum RMK-9 lagi. Umpamanya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut mewakili sebanyak 28.5 peratus atau lebih RM5 bilion daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pendidikan. Peratusan ini terus meningkat dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) kepada 35.3 peratus dengan perbelanjaan melebihi RM13.4 bilion. Sebagai tambahan, lebih 17 peratus atau RM7.9 bilion daripada peruntukan pembangunan kerajaan persekutuan dalam Bajet 2007 telah diagihkan kepada sektor pendidikan.

*Jadual 2: Enrolmen pelajar mengikut kursus ijazah sarjana muda,
1995 – 2005*

Bidang pengajian	Enrolmen					
	1995	%	2000	%	2005	%
Sastera	25,558	55.0	39,872	43.2	55,961	37.8
Sastera dan Kemanusiaan ¹	2,059		2,746		3,621	
Ekonomi dan Perniagaan ²	23,499		37,126		52,340	
Sains	5,178	11.1	17,024	18.4	22,945	15.5
Sains Pertanian dan berkaitan ³	2,296		2,071		2,400	
Lain-lain ⁴	2,882		14,953		20,545	
Teknikal	15,744	33.9	35,412	38.4	69,119	46.7
Kejuruteraan	11,513		27,421		42,879	
Arkitek, Perancang Bandar & Survey	3,845		6,710		20,711	
Lain-lain ⁵	386		1,281		5,529	
Jumlah	46,480	100.0	92,308	100.0	148,025	100.0

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8)

¹ termasuk pengajian Islam, bahasa, kesusasteraan, budaya Melayu, sains sosial dan pendidikan; ²termasuk perakaunan, pengurusan perniagaan dan e-dagang; ³termasuk sains rumah tangga dan pembangunan manusia; ⁴termasuk aplikasi sains, kajian alam sekitar, teknologi makanan dan sains dengan pendidikan; dan ⁵ termasuk pengurusan hartaanah

Kesemua ini menyebabkan peratusan perbelanjaan pendidikan daripada kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) agak tinggi. Umpamanya bagi tahun 1999 sahaja, perbelanjaan awam untuk sektor pendidikan merangkumi 5 peratus daripada KDNK Malaysia. Peratusan ini lebih tinggi

jika dibandingkan dengan beberapa negara jiran, seperti Thailand (4.5 peratus) dan Indonesia (0.8 peratus) serta lebih tinggi daripada purata perbelanjaan pendidikan di kalangan negara OECD, iaitu sebanyak 4.9 peratus. Dianggarkan kerajaan membelanjakan hampir RM30 ribu bagi setiap pelajar sepanjang mereka menuntut di IPTA, iaitu 8.7 kali ganda lebih tinggi berbanding dengan perbelanjaan pendidikan rendah, dan ini merupakan 96 peratus daripada pendapatan per kapita negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).


Berbeza dengan perkembangan sistem pendidikan tinggi awam, perkembangan pesat sistem pendidikan tinggi swasta hanya bermula pada tahun 1990an. Ia merupakan hasil daripada perkembangan pesat ekonomi Malaysia dengan catatan kadar pertumbuhan sebanyak 8.5 peratus setahun untuk tempoh 1990-1996. Dalam tempoh tersebut permintaan terhadap tenaga buruh mahir, profesional dan pengurusan meningkat secara mendadak. Situasi ini tidak dapat ditampung oleh hasil pengeluaran dari sistem pendidikan awam. Untuk mengatasi masalah ini, pada tahun 1996, kerajaan telah menggubal Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang memberi kelonggaran kepada pihak swasta menubuhkan kolej atau universiti swasta di negara ini. Melalui Akta ini, Menteri Pendidikan mempunyai kuasa penuh meluluskan atau membatalkan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta setelah mendapat nasihat daripada Lembaga Aktredasi Negara (LAN).

Paling penting, Akta ini telah memberi implikasi besar terhadap perkembangan IPTS di negara ini. Jumlah IPTS di seluruh negara pada 1996 meningkat menjadi 356 buah, iaitu meningkat sebanyak 127 peratus berbanding dengan tahun 1992 (156 buah). Antara IPTS yang ditubuhkan selepas Akta ini ialah Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP). Manakala beberapa universiti luar negara juga telah mula menubuhkan cawangan masing-masing di sini, seperti Universiti Monash dan Universiti Nottingham Forest. Peningkatan ini berterusan dan sehingga tahun 2006 terdapat lebih 530 buah IPTS di seluruh Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). Hasilnya enrolmen pelajar di IPTS turut meningkat hampir 31 peratus dalam tempoh 6 tahun, iaitu daripada 261,047 orang pada tahun 2000 kepada 341,310 orang pada tahun 2005. Enrolmen peringkat ijazah pertama menunjukkan peningkatan paling terbesar, iaitu peningkatan melebihi 85 peratus daripada 59,932 kepada 110,591 orang (lihat Rajah 1).

HALA TUJU PENDIDIKAN TINGGI DALAM TEMPOH RMK-9

Secara langsung atau tidak perbincangan di atas memberi gambaran bahawa hala tuju pendidikan tinggi negara ini amat rapat hubungannya dengan perkembangan ekonomi negara. Keadaan ini pasti sekali tidak terkecuali daripada bergantung juga kepada turun-naik ekonomi dunia dan perkembangan teknologi yang berlaku. Angka terkini menunjukkan bahawa di Malaysia sekarang terdapat sebanyak 71 buah IPTA dan 630 buah IPTS di seluruh negara bagi menampung sejumlah 731,698 pelajar dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian (Malaysia, 2006). Menjelang tahun 2010, permintaan pendidikan tinggi negara dijangka meningkat kepada 1.326 juta orang iaitu pertambahan melebihi 81 peratus. Dengan pertambahan ini, maka kos untuk memenuhi permintaan tersebut turut meningkat khususnya bagi mencapai sasaran bahawa 40 peratus penduduk dalam kohort 17-23 tahun mendapat pendidikan peringkat tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Rajah 1: Enrolmen pendidikan tinggi swasta mengikut peringkat pengajian, 2000-05



Sumber: Dipetik dan diubah suai dari RMK-9

Memang diakui bahawa kerajaan begitu prihatin terhadap perkembangan pendidikan tinggi di negara ini. Ini terbukti seperti dalam Jadual 4, dalam tempoh RMK-9, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40,356.5 juta kepada sektor pendidikan dengan hampir 40 peratus diagihkan kepada sektor pendidikan tinggi. Ini kerana kerajaan sedar bahawa pendidikan tinggi merupakan satu unsur yang amat penting dalam pembangunan negara, baik bagi meningkatkan kemajuan teknologi maupun bagi memenuhi keperluan tenaga buruh mahir. Tambahan pula, dilihat dari segi kronologi penubuhan universiti, ianya sejajar dengan perkembangan dan keperluan guna tenaga semasa yang bermula dengan ekonomi pertanian pada awal selepas kemerdekaan kepada ekonomi perindustrian yang bermula rancak sejak akhir tahun 1970an.

Jadual 4 Jumlah peruntukan dan perbelanjaan pendidikan di semua peringkat, 2000 – 2010

Program	RMK 7		RMK 8		RMK 9	
	Perbelanjaan (RM juta)	%	Perbelanjaan (RM juta)	%	Peruntukan (RM juta)	%
Pra sekolah	107.5	0.6	215.7	0.6	807.3	2.0
Pendidikan rendah	2,631.8	15.0	5,369.3	14.2	4,837.3	12.0
Pendidikan menengah	5,317.5	30.3	8,748.1	23.1	6,792.8	16.8
Pendidikan tinggi	5,005.1	28.5	13,403.9	35.3	16,069.0	39.8
Guru	332.5	1.9	1,368.1	3.6	577.7	1.4
Lain-lain	4,147.8	23.6	8,816.9	23.3	11,272.4	27.9
Jumlah	17,542.2	100.0	37,922.0	100.0	40,356.5	100.0

Sumber : Rancangan Malaysia Sembilan (RMK-9)

Dari sudut permintaan, unjuran menunjukkan bahawa guna tenaga akan meningkat kepada 11,976 juta orang dan kategori pekerjaan peringkat pendidikan tinggi dijangka berkembang sebanyak 2.6 peratus atau 394,200 orang dalam tempoh RMK-9 (lihat Jadual 5). Menurut unjuran ini, kategori pekerjaan yang memerlukan pendidikan peringkat tinggi dijangka mengalami perkembangan yang terbesar. Oleh itu, perkembangan pendidikan tinggi dalam tempoh rancangan haruslah seiring dengan keperluan ini.

Jadual 5 Pertumbuhan Guna Tenaga Mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2005-2010

Kategori Pekerjaan	Jumlah (‘000 orang)		Pertumbuhan	
	2005	2010	Jumlah	%
Pekerjaan peringkat pendidikan tinggi				
Legislatif, pegawai kanan dan pengurus	2,983	3,377.2	394.2	2.6
Pekerja profesional dan pengurusan	871.6	1,018.0	146.4	3.2
Juruteknik dan profesional bersekutu	680.9	778.4	97.5	2.7
Pekerjaan peringkat pendidikan menengah atas	1,430.5	1,580.8	150.3	2.0
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan	5,189.2	5,859.9	670.7	2.2
Pekerja jualan, perkhidmatan dan jualan	991.4	1,018.0	26.6	0.5
Pekerja jualan, perkhidmatan dan jualan	1,558.0	1,892.2	334.2	4.0
Pekerja mahir pertanian dan perikanan	1,376.0	1,344.9	-31.1	-0.5
Pekerja pertukangan dan yang berkaitan	1,263.8	1,604.8	341	4.9
Pekerjaan peringkat menengah rendah dan ke bawah	2,722.60	2,738.90	16.3	0.1
Pekerja pengeluaran dan yang berkaitan, operator peralatan, pengangkutan dan buruh	1,568.9	1,628.7	59.8	0.8
Pekerja am	1,153.7	1,110.2	-43.5	-0.8
Jumlah	10,894.8	11,976.0	1,081.2	1.9

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Rancangan Malaysia Sembilan (RMK-9)

Jadual 6 pula menunjukkan pertumbuhan enrolmen pendidikan tinggi yang dirancang berlaku dalam tempoh RMK-9. Kadar pertumbuhan enrolmen tertiarji dijangka berkembang sebanyak 16.3 peratus, iaitu bagi IPTA sebanyak 16.9 peratus manakala IPTS pula sebanyak 6.7 peratus. Enrolmen ini melibatkan peringkat sijil sehingga ke peringkat ijazah peringkat tertinggi. Menarik di sini, diperhatikan bahawa kadar pertumbuhan bagi enrolmen peringkat ijazah pertama adalah yang paling kecil. Ini dilihat seiring dengan keperluan pasaran buruh semasa yang lebih memerlukan pekerja yang mempunyai kelulusan peringkat sijil dan diploma. Manakala enrolmen pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah memerlukan lonjakan besar memandangkan jumlah enrolmen kini yang masih terlalu kecil.

Jadual 6: Enrolmen di Institusi Pendidikan Tertiari Mengikut Peringkat Pengajian, 2006-2010

Peringkat pengajian	Jumlah Enrolmen		Kadar pertumbuhan tahunan purata (%)
	2005	2010	
Sijil	132,880	284,770	22.9
Diploma	230,881	474,370	21.1
Ijazah Pertama	322,917	428,200	6.5
Sarjana	38,638	117,320	40.7
Ph.D	6,882	21,630	42.9
Jumlah	731,698	1,326,340	16.3

Sumber : Dipetik dan diubah suai dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)

Dalam tempoh RMK-9, kerajaan juga telah menetapkan matlamat untuk mencapai enrolmen pendidikan tinggi dengan nisbah 60:40, iaitu 60 peratus bagi bidang sains dan teknikal dan 40 peratus lagi bagi bidang kemanusiaan. Ini bertujuan meningkatkan bilangan pakar sains dan teknologi negara yang pada ketika ini dianggap masih lagi rendah, iaitu 7 saintis bagi setiap 10 ribu penduduk. Sedangkan nisbah di negara maju adalah jauh lebih tinggi, seperti di Jepun dan Amerika Syarikat masing-masing berada sekitar 82 dan 76 orang bagi setiap 10,000 penduduk. Malahan di Singapura nisbah saintis bagi setiap 10,000 penduduk ialah 66 orang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Seperti yang disebutkan, program meningkatkan bilangan pelajar dan teknikal telah diusahakan sejak sebelum RMK-9 lagi. Hasilnya dalam tempoh RMK-8, enrolmen pelajar yang mengikuti program sains dan teknikal serta yang berkaitan di peringkat ijazah pertama dan diploma di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta telah meningkat daripada 229,014 orang pada tahun 2000 kepada 291,546 orang pada tahun 2005. Di peringkat lepasan ijazah, enrolmen pelajar yang mengikuti program sains dan teknikal serta yang berkaitan meningkat daripada 12,602 orang kepada 18,910 orang (Malaysia, 2001).

Memandangkan betapa pentingnya bidang tersebut, dalam RMK-8, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM830 juta untuk 2,139 projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di bawah Projek Penyelidikan Bidang Keutamaan (IRPA) kepada IPTA. Hampir 30 peratus daripadanya adalah merupakan projek penyelidikan dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T). Di sini, IPTA memainkan peranan penting dalam melahirkan saintis dan teknologis memandangkan mereka mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan berkenaan. Sebagai usaha tambahan, dalam tempoh

RMK-9, beberapa universiti tempatan telah dikenalpasti sebagai universiti penyelidikan demi meningkatkan lagi aktiviti R&D dan inovasi peringkat tempatan. Menjelang tahun 2010, kerajaan menjangkakan negara ini mampu mempunyai bilangan ahli sains dan jurutera penyelidik dalam nisbah 50 orang bagi setiap 10 ribu penduduk.

ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN TINGGI

Di bawah RMK-9, pendidikan tinggi negara dijangka terus berkembang pesat menawarkan bidang pengajian di pelbagai peringkat. Perkembangan ini dilihat selari dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan aksesibiliti masyarakat terhadap pendidikan tinggi. Di samping itu, kerajaan juga mengambil langkah untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu peringkat tinggi di rantau. Ini dilakukan melalui usaha menarik lebih ramai pelajar asing belajar di sini dan proses ini sekali gus dijangka turut memberi kesan yang besar terhadap perkembangan pendidikan tinggi di negara ini. Ini tidak bererti kesemuanya akan berjalan lancar seperti yang dirancang. Sebaliknya, pelbagai isu dan cabaran menanti dan bakal mendepani sistem pendidikan tinggi negara ini pada masa hadapan yang memerlukan perhatian setiap pihak berkenaan. Antara yang terpenting ialah:

Isu pengangguran siswazah

Masalah siswazah menganggur merupakan suatu isu yang memberi cabaran besar terhadap perkembangan pendidikan tinggi negara semasa. Walaupun jumlah mereka yang menganggur tidak dapat dipastikan secara mutlak, namun anggaran tidak rasmi menunjukkan jumlahnya mencecah seramai 60 ribu orang, atau merupakan 11 peratus daripada jumlah yang menganggur (MTEN 2001, Ishak Yussof et al. 2004, Zulkifly Osman & Ishak Yussof 2005, Utusan Malaysia 2005a, Utusan Malaysia 2005b). Ada pandangan yang mengaitkan isu siswazah menganggur dengan masalah kemelesetan ekonomi yang berlaku. Di samping itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa antara masalah lain yang menyebabkan graduan sukar mendapat pekerjaan ialah kerana faktor kebolehpasaran yang dikaitkan dengan kesesuaian bidang kursus dan tingkat kemahiran yang dimiliki mereka (MTEN 2001, Bank Negara 2002, MEF 2003, IPPTN 2003, Md. Zabid Rashid 2003, Ishak Yussof et al. 2004, Rubiah et al.

2004). Misalnya kajian IPPTN (2003) mendapati antara sebab utama graduan gagal mendapat pekerjaan adalah disebabkan oleh kurangnya kemahiran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris (84.6 peratus). Faktor lain ialah masalah bidang kursus yang kurang sesuai dengan kehendak pasaran (71.5 peratus), tiada pengalaman kerja (66.8 peratus) dan kurang menguasai kemahiran ICT (60.8 peratus).

Kesemua yang dinyatakan di atas menggambarkan bahawa cabaran yang paling utama yang berdepan dengan perancangan program pengajian peringkat tinggi ialah untuk memastikan supaya bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPT (sama ada milik awam atau milik swasta) bersesuaian dengan kehendak pasaran semasa. Di samping itu, kurikulum bidang pengajian ini harus juga berupaya menerapkan jenis-jenis kemahiran berhubung dengan kebolehpasaran graduan, seperti yang dibayangkan oleh beberapa kajian yang berkaitan. Skim Latihan Siswazah merupakan salah satu usaha untuk menangani isu ini. Bagaimanapun, masih banyak lagi yang perlu dilakukan.

Isu pendemokrasian dan aksesibiliti

Perkembangan pendidikan tinggi, terutama yang dipelopori oleh sektor swasta dijangka memberi peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk memperoleh kelayakan akademik yang lebih tinggi. Namun begitu, tidak semua golongan masyarakat mampu mendapatkan pendidikan tinggi tersebut disebabkan wujudnya batasan-batasan tertentu, seperti batasan kewangan, kemudahan pembelajaran peringkat persekolahan yang kurang memuaskan (khususnya yang berada di luar bandar) dan masalah desakan hidup (termasuk isu kemiskinan). Ertinya, walaupun infrastruktur pengajian tinggi lengkap dan canggih, namun tidak semua penduduk mempunyai peluang yang sama rata untuk meneruskan pengajian mereka. Malahan, keadaan ini merupakan suatu fenomena sejagat (World Bank 1994).

Dalam konteks ini, perlaksanaan sistem meritokrasi yang dimulai sejak sesi pengambilan 2002/2003 mungkin memberi sedikit cabaran kepada usaha pihak kerajaan untuk meluaskan aksesibiliti pendidikan di kalangan masyarakat selagi masalah ketidakseimbangan agihankekayaan, sama ada antara individu, antara kaum atau antara wilayah (bandar-luar bandar), terus wujud di negara ini. Walaupun kewujudan IPTS berupaya memberikan alternatif kepada mereka yang gagal mendapatkan tempat di

IPTA, tidak semua bidang pengajian yang dikehendaki sedia ditawarkan. Disebabkan kosnya terlalu tinggi tidak semua mampu membiayainya. Kemudahan pinjaman pendidikan untuk membiayai pengajian di IPTS juga agak terhad, dan jika diperolehi, ia terlalu membebankan bagi keluarga yang berpendapatan rendah. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan boleh menyebabkan sebahagian daripada penduduk negara ini terus tersisih daripada peluang mendapatkan pendidikan di peringkat tinggi, terutama dalam bidang-bidang kritikal tertentu (Ishak Yussof & Mohd Yusof Kasim 2006). Kesannya, jurang perbezaan pendidikan dan pendapatan antara penduduk terus kekal.

Isu pembiayaan pendidikan tinggi

Kerajaan merupakan pembiaya terbesar dalam pendidikan tinggi negara, meliputi pembiayaan terhadap universiti awam, politeknik dan kolej-kolej komuniti. Setiap tahun kerajaan membelanjakan sekurang-kurangnya RM15 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan membangun keseluruhan institusi pendidikan tinggi awam (Jabatan Akauntan Negara, 2006). Kebanyakan IPTA menerima lebih 90 peratus daripada peruntukan perbelanjaan mereka daripada kerajaan. Dengan ini, masyarakat boleh memperolehi pendidikan tinggi dari sektor awam jauh lebih murah berbanding dengan di IPTS. Namun begitu, tidak semua mereka dapat meneruskan pengajian di IPTA kerana tempat yang disediakan agak terhad. Pelaksanaan dasar meritokrasi menyebabkan mereka yang kurang cemerlang terpaksa memilih IPTS untuk melanjutkan pengajian masing-masing, dan bagi yang kurang mampu, kerana yuran pengajian terlalu tinggi, maka terpaksalah melupakan hasrat mereka untuk melanjutkan pelajaran.

Untuk mengurangkan bebanan ini, kerajaan telah menggalakkan beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pihak swasta, termasuklah institusi perbankan, terlibat sama dalam membiayai pendidikan tinggi di negara ini. Kerajaan juga telah menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) bagi membantu pembiayaan pendidikan di kalangan yang memerlukan. Namun kesemua ini masih tidak mencukupi, terutama sekali apabila ia melibatkan pihak swasta. Ini kerana sifat pelaburan sumber manusia itu sendiri yang tidak memungkinkan penaja sama-sama menikmati faedah daripada satu-satu perbelanjaan pelaburan pendidikan.

Isu kualiti program pengajian

Kerajaan sememangnya menyedari potensi dalam bidang pendidikan tinggi cukup besar dan mampu menjana ekonomi negara. Selain memenuhi keperluan tempatan, ia juga boleh menarik ramai pelajar asing mengikuti pengajian di negara ini. Sehingga penghujung tahun 2004, terdapat seramai 40,686 orang pelajar asing di negara ini, hampir menyamai jumlah sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu seramai 50 ribu pelajar pada tahun 2005 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2005). Jumlah ini termasuk 25,939 orang di IPTS, 6,315 orang di IPTA, 3,376 orang di sekolah kerajaan dan 5,056 orang di sekolah swasta. Pelajar China merupakan jumlah yang terbesar, iaitu sebanyak 40 peratus daripada keseluruhan pelajar asing di negara ini. Ini diikuti oleh pelajar Indonesia (16.4 peratus), Bangladesh (7.9 peratus) dan Pakistan (4.3 peratus).

Keupayaan negara untuk mengekalkan bilangan pelajar asing dalam jumlah yang besar ini amat bergantung kepada kecemerlangan institusi pengajian tinggi dalam menawarkan disiplin ilmu yang diperlukan pada peringkat global. IPT tempatan perlu lebih bersedia untuk bersaing dengan institusi pengajian tinggi lain di rantau ini dan harus menawarkan bidang ilmu yang bersifat terkehadapan dan berkualiti tinggi. Untuk maksud ini, kekuatan ahli akademiknya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu diberi penekanan. Dengan cara ini kualiti setiap program pengajian di IPT tempatan dapat terus ditingkatkan.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa evolusi pendidikan tinggi negara sejak sebelum sehingga beberapa tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, berubah selari dengan tahap kemajuan, khususnya ekonomi negara. Laluan yang dilalui di peringkat-peringkat awal, khususnya sehingga sebelum krisis kewangan 1997, nampaknya begitu mudah. Ertinya tidak banyak halangan dan cabaran yang ditempoh menyebabkan perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia ketika itu berjalan begitu lancar. Mungkin kerana yang menjadi pertimbangan atau halangan pada ketika itu hanyalah menyentuh aspek kuantiti atau bilangan pelajar dan bilangan pusat pengajian tinggi. Tetapi, akhir-akhir ini apabila timbul masalah siswazah menganggur yang semakin meruncing, isu dan cabaran berhubung dengan pengajian tinggi Malaysia tidak lagi semudah

seperti yang dijangkakan. Cabarannya tidak lagi kuantiti, tetapi paling penting ialah isu kualiti pendidikan dan kecapaian peluang pendidikan yang sama rata untuk semua. Kejayaan menempuh kesemua cabaran-cabaran ini akan menentukan arah tuju program pengajian tinggi negara yang lebih cemerlang bukan sahaja untuk tempoh RMK-9, tetapi masa-masa akan datang.

RUJUKAN

- Bank Negara. 2002. Employability of Graduates – Survey Report. Bank Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- IPPTN. 2003. Laporan Akhir Kajian Masalah Pengangguran di Kalangan Siswazah. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, USM, Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Ishak Yussof & Mohd Yusof Kasim .2006. ‘Perkembangan dan Cabaran Pendidikan Tinggi di Malaysia’. Dalam Md. Zahir Kechot & Imran Ho Abdullah (pty.), Amalan Pengurusan dan Budaya Kualiti Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. UKM Bangi: Pusat Pembangunan Akademik.
- Ishak Yussof, Zulkifly Osman & Rahmah Ismail. 2004. ‘HRD: Mismatch and Shortage of Skilled Workers.’ Kertas kerja diberikan di MIER National Economic Outlook 2005 Conference, 7-8 Desember 2004, Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Economic Research.
- Kamarudin Kachar. 1989. Perkembangan Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. Education Indicators in Malaysia: An International Comparison 2003. KL: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2005. Laporan mengkaji, menyemak dan membuat perakaun tentang halatuju pendidikan tinggi negara: Langkah-langkah ke arah kecemerlangan. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.

- Malaysia. 2001. Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia. 2001. Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2000 – 2010. KL: Percetakan Nasional.
- Malaysia, 2006. Malaysia. 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Md. Zabid. A. Rashid. 2003. Strategies to Reduce Unemployment Among Graduates and Youth. Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Putra Jaya: Jabatan Perdana Menteri.
- MEF. 2003. ‘Local Graduates Need To Buck-up.’ Kenyataan Akhbar Persekutuan Majikan Malaysia. Kuala Lumpur: Malaysian Employers Federation. [Website: www.mef.org.my - diakses pada 4 Oktober 2004].
- MTEN. 2001. Study on the Unemployment Situation in Malaysia. Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Putra Jaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Robiah Sidin, Rahmah Ismail & Ishak Yussof. 2004. Laporan Penyelidikan Kajian Graduan UKM dan Kebolehpasaran Pekerjaan. Projek Penyelidikan 11/002/2003, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Utusan Malaysia. 2005a. ‘57,000 Siswazah Menganggur.’ Utusan Malaysia, 14 September.
- Utusan Malaysia. 2005b. ‘Kekeliruan Jumlah Siswazah Menganggur.’ Utusan Malaysia, 22 September.
- World Bank. 1994. Higher Education – The Lessons of Experience. Washington D.C: The World Bank.
- Zulkifly Osman & Ishak Yussof. 2005. ‘Dasar dan Masalah Guna Tenaga di Malaysia: Pengalaman Khusus Isu Pekerja Asing dan Pengangguran Siswazah.’ Kertas Kerja di bentangkan di Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia IX (SKIM IX), FSSK-UNPAD, Bandung, Indonesia.